

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: 15 Mac 2017 15:07
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 28 ORANG PELAJAR UUM CAS AKAN DIGILAP MENJADI USAHAWAN BIDANG INDUSTRI KREATIF



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

15 MAC 2017 / 16 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt. & Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

28 ORANG PELAJAR UUM CAS AKAN DIGILAP MENJADI USAHAWAN BIDANG INDUSTRI KREATIF



PPA UUM CAS ONLINE : Seramai 28 orang mahasiwa dan mahasiswi UUM CAS telah terpilih menjadi peserta program Program Inkubator Usahawan Kreatif Utara (Utara Creativepreneur Incubator-UCI) selepas mempersembahkan idea perniagaan di dalam sesi *pitching* yang diadakan pada 14 Mac 2017 yang lepas. Sebanyak 12 kumpulan bakal usahawan telah hadir ke sesi *pitching* tersebut yang dinilai oleh lapan orang juri di dalam dua sesi. Antara idea perniagaan industri kreatif yang dipersembahkan merangkumi bidang fotografi, animasi, pembangunan aplikasi mudah alih, seni kaligrafi, produksi video, video editing, dan penulisan skrip.

Menurut Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin (SCIMPA) yang menjadi salah seorang juri di dalam sesi *pitching* tersebut mengatakan calon yang mempersembahkan idea perniagaan pada hari ini adalah lebih baik berbanding dengan tahun lepas. Beliau pernah menjadi mentor di dalam program keusahawanan seperti UCI pada tahun lepas. Selari dengan pendapat Dr. Syamsul Bahrin Zaibon (SCIMPA) berpendapat semua calon pada tahun ini hebat-hebat belaka dan kalau nak diikuti semua yang mempersembahkan idea perniagaan itu layak untuk menyertai program ini. Tetapi apakan daya kerana kekangan kewangan, hanya yang terbaik dipilih.

UCI ialah adalah program pengalaman berasaskan 'dunia perniagaan sebenar' yang berupaya memberi pendedahan kepada bakal usahawan kepada konteks perniagaan bagi membolehkan mereka meningkatkan kemahiran secara spesifik serta memperkembangkan kerjaya mereka. Di dalam program ini, bakat dan potensi pelajar di dalam industri kreatif akan dikembangkan secara sistematik melalui program UCI yang terancang sehingga berupaya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Program ini dikendalikan oleh Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM CAS akan berjalan selama 12 bulan dan akan berakhir pada October 2017.

Selepas ini, semua peserta UCI yang berjaya akan mengikuti Bengkel Keusahawanan Kreatif Utara pada 30 Mac – 2 April 2017 di Pulau Pinang.

Sekian.

=====

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Emel:cas-sadc@uum.edu.my
Website:http://ppacas.uum.edu.my

 Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni

 @ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.